



ZULKARIN (tiga dari kiri) memerhati para peserta mengukir catur kayu pada Program Pembangunan Kemahiran Komuniti Kraf Catur Kayu yang dilangsungkan di Kolej Komuniti Segamat 2.

Estetika seni set kraf bernilai tinggi



Rencana Utama
Oleh **FARAHWAHIDA AHMAD**

SIAPA yang tidak kenal dengan permainan catur yang popular dimainkan oleh seluruh masyarakat dunia? Pasti semua mengenalinya.


Berdasarkan sejarah, catur juga adalah satu permainan rakyat yang telah wujud selama ratusan tahun di negeri Johor. Ia merupakan kesinambungan permainan catur yang sebelum ini turut dimainkan semasa era kesultanan Melaka.

Catatan rekod manuskrip Melayu menunjukkan bahawa permainan catur ini merupakan satu tradisi turun-temurun bangsawan dan masyarakat Melayu.

Walaupun mempunyai pengaruh daripada permainan catur yang dibawa dari Parsi, India, China dan Eropah, ia tetap mempunyai identitinya yang tersendiri cerminan kepada masyarakat yang mewarisi permainan ini.

Catur Johor dikatakan berlangsung dari tahun 1528 hingga 1957 dengan permainannya dibahagikan kepada dua jenis permainan iaitu Catur Harimau dan Catur Perang. Kesemuanya tetap menggunakan peralatan catur yang sama.

Kini, tatkala masyarakat kita memonopoli alam siber dan hanyut



PEMBUATAN buah-buah catur boleh dilakukan menggunakan mesin melainkan buah kuda.

dibuai peradaban moden, media sosial dan teknologi, masih wujud golongan peminat seni ukiran tangan yang menumpahkan cinta mereka kepada kraf catur kayu.

Salah seorang pembuat kraf catur kayu di Johor, Roziman Jamil, 40, berkata, dia meminati seni ukiran kayu sejak usia muda dan mula menceburkan diri dalam seni kraf catur kayu sejak dua tahun lalu.

"Mula-mula, ia sekadar hobi bagi mengisi masa lapang.

"Lama-kelamaan saya lihat seni ukiran catur kayu ini ada potensi untuk dipasarkan menjadi sumber pendapatan," kata Roziman ketika

ditemui pada majlis penutup Program Pembangunan Kemahiran Komuniti (PPKK) Kraf Catur Kayu Segamat (Fasa 1) di Palong Timur 3, Segamat baru-baru ini.

Program anjuran Kraftangan Malaysia itu telah berlangsung selama tiga hari dengan memberikan pendedahan mengenai kraf catur kayu kepada 15 peserta daripada komuniti kraf Segamat.

Kraf catur kayu melibatkan penggunaan beberapa jenis kayu antaranya kayu cengal, merbau, nangka, penawar hitam, kayu malam dan arang bunga.



CONTOH satu set catur kayu yang telah disiapkan.

- Salah satu permainan tertua yang dipercayai dicipta di India dan tersebar ke semua benua dan negara
- Permainan ini membantu membangunkan pemikiran logik dan keupayaan untuk menduga tindakan pihak lawan terlebih dahulu
- Catur diperbuat daripada pelbagai bahan
- Terdapat buah-buah catur yang diperbuat daripada emas dan logam yang lain, kayu berharga, kristal, gading dan bahan mahal yang lain
- Catur dimainkan pada papan bersaiz 8x8 petak yang silih berganti warna hitam dan putih secara amnya. Buah catur pula mempunyai dua warna berbeza pada setnya

Kesemuanya menampilkan rupa catur kayu yang berbeza misalnya merbau berwarna coklat kemerahan, manakala kayu nangka pula kekuningan.


Mempunyai pengalaman dalam pembuatan dan penjualan kraf catur kayu, Roziman berkata, satu set catur mengambil masa empat hari untuk disiapkan.



PARA peserta yang terlibat dalam program PPKK Kraf Catur Kayu di Segamat baru-baru ini.

yang lain.

“Kayu-kayu ini bahkan kebiasaannya digunakan untuk ukiran pada sarung parang atau pisau,” terang Zulkarin yang



SANTHARA KUMAR

Harap Segamat jadi hab catur kayu

DAERAH Segamat sememangnya kaya dengan sumber bahan mentah kayu yang mudah diperolehi.

Oleh itu, Program Pembangunan

Satu set catur adalah merangkumi 32 buah catur dan papan catur.

Kongsinya, ukiran bagi buah kuda adalah yang paling sukar dibentuk.

“Ukiran kuda paling memakan masa untuk disiapkan. Lebih kurang dua jam hanya untuk buat satu unit kuda.

“Ini kerana, kuda diukir di atas kayu secara manual dengan menggunakan tangan sedangkan ukiran bagi buah catur lain masih boleh dibuat menggunakan mesin,” katanya.

Menurut lelaki berasal dari Batu Pahat itu, dia juga menerima tempahan papan catur yang diukir di atas meja kayu menjadi set khas bagi permainan tradisi tersebut.

Sementara itu, Zulkarin Esa, 54, yang turut memiliki ilmu pertukangan kraf tersebut berkata, harga bagi set catur ukiran kayu bergantung kepada jenis kayu yang digunakan mengikut harga pasaran semasa.

“Bagi kayu jenis cengal dan merbau, harga bahan mentahnya sebelum dijadikan kraf adalah sekitar RM20 bagi satu kaki (30.5 sentimeter). Harganya agak murah kerana kayu jenis ini senang dan mudah didapati.

“Sementara itu, kayu arang bunga, penawar hitam dan kayu malam harganya sedikit mahal kerana susah didapati.

“Selain warna alur kayunya yang cantik, kayu-kayu jenis ini juga mempunyai alur kayu tersendiri yang tidak sama dengan kayu

Mulanya ia sekadar hobi mengisi masa lapang. Lama-kelamaan saya lihat seni ukiran catur kayu ini ada potensi untuk dipasarkan menjadi sumber pendapatan.”

ROZIMAN

ROZIMAN menunjukkan antara kayu-kayu yang digunakan untuk pembuatan kraf catur kayu.

berasal dari Felda Tenang, Labis.

Justeru, jelasnya, papan dan buah catur yang diperbuat daripada kayu jenis cengal dan merbau akan dijual dalam lingkungan harga RM1,200 satu set dan set catur kayu tersebut yang diukir siap bersama meja pula dijual dengan harga bermula RM6,000.

“Satu set catur ukiran kayu jenis arang bunga, penawar hitam dan kayu malam bersama papan boleh mencecah harga RM1,800,” ujarnya sekali gus menunjukkan kraf tersebut begitu bernilai tinggi.

Mengenai program PPKK, menerusinya, para peserta bukan sahaja dilatih dari aspek kemahiran dalam pengeluaran produk, tetapi juga aspek keusahawanan dan pemasaran bagi memastikan para peserta mempunyai kemahiran yang diperlukan dalam perusahaan kraf.

Penyertaan dalam program ini juga mampu meningkatkan kebolehpasaran golongan sasar untuk mendapatkan pekerjaan atau menjadikan perusahaan kraf sebagai kerjaya sepenuh masa atau sampingan.

Sehingga April lalu, PPKK telah menjalankan sebanyak 104 projek dengan penglibatan seramai 2,676 peserta di seluruh negara.

Pelbagai kemahiran kraf telah diketengahkan kepada para peserta antaranya kraf set catur kayu, anyaman rotan, batik blok, anyaman mengkuang, cetakan batik, jahitan dan lain-lain.

Kemahiran Komuniti atau ringkasnya PPKK bagi produk kraf catur kayu amat bertepatan dan sesuai dibangunkan bagi manfaat komuniti setempat.

Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Datuk Seri Dr. R. Santhara Kumar berharap daerah itu akan dapat menjadi hab pengeluaran produk kraf catur kayu satu masa nanti.

“Besarnya harapan saya agar daerah Segamat di masa hadapan dapat dijadikan sebagai hab pengeluaran produk kraf catur kayu berkualiti yang dapat dikomersialkan bukan sahaja di pasaran tempatan tetapi ke peringkat antarabangsa,” katanya pada majlis penutupan PPKK Kraf Catur Kayu (Fasa 1) di Segamat baru-baru ini.

Dalam pada itu, Timbalan Pengarah Seksyen Pembangunan Usahawan Kraf, Kraftangan Malaysia, Suhaimi Zakaria menyatakan, banyak kekangan dan cabaran telah dihadapi oleh pengusaha kraf tangan sewaktu negara dilanda pandemik Covid-19.

“Para pemain dan pengusaha kraf tangan turut terjejas pendapatan kerana tidak dapat menjalankan jualan secara langsung atau bersemuka dengan orang ramai.

“Namun begitu, Kraftangan Malaysia menggalakkan usahawan untuk memasarkan produk-produk di platform digital dan media sosial.

“Orang ramai boleh mengikuti serta membeli-belah secara dalam talian di E-Kraf Bazar di laman sosial Facebook, Mycraft Shoppe serta boleh memuat turun aplikasi Craft On The Go,” katanya.

Tambah Suhaimi, pemasaran secara digital amat penting dalam memacu perkembangan kraf tangan tanah air sejak pandemik melanda dunia.